# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 40 | RABU 7HB OKTOBER, 1981. | 1401 رابو 8 ذوالحجة | PERCHUMA


# PENGIKTIRAFAN PPNB DALAM W.S.B. MERUPAKAN SATU CHABARAN – Titah

**Oleh : Ja'afar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah bahawa dengan pengiktirafan Persekutuan Pengakap Negeri Brunei sa-bagai ahli penoh dalam pertubohan Pengakap Sa-Dunia (WSB) bererti pertubohan itu di-akui sa-bagai satu badan gerakan yang sudah matang dan mempunyai identiti keBruneian dan boleh terus berjalan dengan sendiri-nya.

Pengiktirafan sa-umpama itu titah Baginda, juga merupakan satu chabaran serta perangsang kapada para pengakap di-negeri ini supaya melipat gandakan lagi minat dan usaha sa-bagai satu badan yang penoh bertanggong-jawab pada masharakat untok mengerjakan kegiatan2 yang mendatangkan munafaat serta kebajikan.

## PATOHI SUMPAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-majlis Keshukoran Sempena Keanggotaan penoh Persekutuan Pengakap Negeri Brunei dalam Biro Pergerakan Pengakap Sa-Dunia yang te'ah di-adakan di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini pada petang hari Ahad lepas.

"Beta sukachita lagi menyatakan bahawasa-nya badan pengakap mematohi sumpah pengakap, mempunyai ketegangan sa-bagai menurut kata bidalan 'jangan takut di-gertak jangan pula lembut bila di-pujok' itu-lah pegangan orang yang bijak tidak dapat di-tikam rusok demikian juga jangan memakai atau menggunakan fikiran orang lain di-jadikan fikiran sendiri tidak akan dapat menambah pendapat yang sepatut-nya di-usahakan dengan baik menuju ka-arah kebajikan yang sempurna," titah Baginda Yang Dipertuan.

## JASA PENGASAS

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengingatkan kapada ahli2 Persekutuan Pengakap Negeri Brunei supaya sambil kita bershukor di-atas pengiktirafan tersebut jangan pula kita lupa akan jasa dan tunjok ajar serta pertolongan yang telah di-hulorkan oleh Persekutuan Pengakap United Kingdom yang telah membimbing persekutuan pengakap negeri ini sejak ia-nya di-tubohkan.

Baginda Yang Dipertuan di-majlis tersebut telah juga menguchapkan penghargaan serta terima kaseh Baginda kapada Persekutuan Pengakap Negeri Brunei kerana menjemput Baginda ka-majlis yang permai pada hari itu.

"Beta berdoa mudah2an Pengakap Negeri Brunei akan

Lihat muka 22



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menyampaikan sijil tauliah kapada Y. B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

# D.Y.M.M. berangkat melawat Jabatan Talikom



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia ka-Jabatan Talikom di-alu2kan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Pengarah Talikom Dato Seri Laila Jasa D.H.A. Scholey dan lain2 pegawai kanan Jabatan Talikom.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah meneruskan lagi siri keberangkatan Baginda melawat jabatan2 Kerajaan di-negeri ini. Pada hari Rabu lepas Baginda telah berangkat ka-Jabatan Talikom di-ibu negeri.

Berangkat sama dalam lawatan Baginda itu ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Keberangkatan Baginda dan rombongan telah di-alu2kan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Pengarah Talikom Dato Seri Laila Jasa D.H.A. Scholey, yang mana kemudian-nya memperkenalkan pegawai2 kanan jabatan itu kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kemudian Baginda dan rombongan berangkat ka-Bilek Taklimat untok mengikuti taklimat yang telah di-sembahkan oleh Pengarah Talikom, Dato Seri Laila Jasa D.H.A. Scholey. Pengarah Talikom itu dalam taklimat-nya antara lain telah menyembahkan kemajuan2 yang telah di-chapai dan projek2 yang sedang dan akan di-laksanakan oleh jabatan itu.

Sa-lepas itu Baginda dan rombongan berangkat pula ka-berbagai bahagian jabatan itu untok memerhatikan dengan lebeh dekat lagi perjalanan dan pelaksanaan Jabatan Talikom dalam memainkan peranan-nya yang penting kapada negara dan pendudok di-negeri ini.

Sa-bagaimana yang di-ketahui, Jabatan Talikom ada-lah salah satu Jabatan Kerajaan yang memainkan peranan yang amat penting dalam memberi khidmat kapada ra-ayat dan pendudok negeri ini dalam keperluan2 perhubongan chepat samada dalam atau pun dengan negeri2 luar.

(Gambar2 di-sekitar keberangkatan Baginda ka-Jabatan Talikom itu di-siarkan di-di-muka tengah).

# Hari Raya Aidil Adha

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah mengumomkan bahawa Hari Raya Aidil Adha bagi tahun Hijrah 1401 jatoh pada hari Jumaat, 10hb Zulhijjah bersamaan dengan 9hb Oktober, 1981.**

**Sembahyang Hari Raya akan di-adakan di-semua masjid dan surau di-seluroh negeri mulai jam 7.30 pagi.**

# Tambahkan usaha untok majukan pergerakan pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dengan kemasokan PPNB ka-Pertubohan Pengakap Sa-Dunia, tugas tiap2 pemimpin dan ahli2 pengakap di-negeri ini akan bertambah berat yang bukan sahaja memerlukan usaha dan kegiatan2 yang berlipat ganda tetapi juga untok meningkatkan taraf pengakap supaya sa-banding dengan pengakap2 di-dunia ini.

Demikian telah di-sembahkan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Ketua Pengakap PPNB di-Majlis Keshukoran Sempena Keanggotaan PPNB dalam Biro Pergerakan Pengakap Sa-Dunia yang telah berlangsong di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini pada petang hari Ahad lepas.

## ANAK BANGSA

Yang Berhormat menyembahkan bahawa ini sesuai dengan tujuan pengakap yang hendak mengasoh dan memimpin anak2 bangsa dan belia2 untok membangun masharakat yang kukoh, berdedikasi, baik jasmani pemikiran kerohanian dan pergaulan termasok membuat kerja2 berkebajikan kapada sa-siapa sa-chara sukarela tanpa mengira masa dan penat lelah.

Tugas yang berat ini, sembah Yang Berhormat itu lagi, memerlukan latehan2 yang tersusun yang pada keseluruhan-nya berbentok sa-chara 'flexible' yang boleh di-sesuaikan dengan semua golongan mengikut perengkat umor dan kegemaran perseorangan.

"Perengkat manusia bukan hanya terhad kapada jenerasi muda atau belia2 tetapi kapada apa juga perengkat orang dewasa yang akan menjadi warganegara yang di-hasratkan ta'at setia kapada Sultan dan Negara yang di-sertai dengan hidup berdisiplin, bertata-tertib dan bersopan santun," sembah Yang Berhormat.

Menyentoh mengenai dengan kegiatan2 pengakap di-negeri ini, Yang Berhormat seterus-nya menyembahkan, bahawa PPNB pada masa ini sedang menyusun segala latehan2 berperengkat2 yang di-selaraskan dengan kehendak2 Kerajaan Kebawah DYMM dari semasa ka-semasa.

"Untok memimpin ahli2-nya ka-arah perkembangan dan kesentosaan bagi Negeri Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek telah mengorniakan bantuan

Lihat muka 22

## Manis-nya Iman

"SIAPA yang terdapat pada-nya suatu kezaliman terhadap saudara-nya sa-ugama sama ada dari perkara kehormatan mau pun perkara lain maka hendak-lah segera ia meminta di-halalkan sa-belum tiba-nya suatu hari yang dinar dan dirham tidak dapat jadi penebus; sebalek-nya sekira-nya dia mempunyai pahala amal saleh maka akan di-ambil pahala-nya itu sa-kadar kezaliman-nya, dan sekira-nya dia tiada mempunyai-nya maka akan di-pindahkan dosa kejahatan orang yang di-zalimi-nya itu untok di-pikulkan ka-atas-nya." — HADITH Nabi (Durratun Nasehin).

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

7HB OKTOBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## TUGU :

## HARAPAN ORANG RAMAI

MENANGKAP ikan dengan menggunakan tugu telah di-bolehkan kembali sa-telah beberapa tahun terlarang. Nelayan2 yang hendak menggunakan chara itu sekarang di-bolehkan memohon lesen menugu dari Jabatan Perikanan.

Orang ramai sa-benar-nya mengetahui yang kebenaran tersebut ia-lah berikutan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ka-Mukim Saba di-mana isu tugu itu di-sembahkan ka-pengetahuan Baginda. Saperti juga nelayan yang berkenaan, maka orang ramai pada umom-nya ada-lah menyambut baik langkah kerajaan membolehkan sa-mula penggunaan tugu itu. Bagi nelayan2 yang berkenaan, kepentingan tugu itu ia-lah untok menambahkan tangkapan ikan yang dengan itu bererti akan menambah pendapatan mereka. Ini telah di-sebutkan di-kesempatan itu tempoh hari. Maka bagi orang ramai tangkapan ikan yang bertambah itu nanti sangat di-harapkan akan menurunkan harga2 ikan yang di-pasarkan.

Oleh yang demikian, maka penugu2 telah di-pertarohi harapan orang ramai yang penugu2 akan memahami harapan itu dan memahami kebenaran menugu itu di-berikan.

## KESEMPATAN BERSUARA:

## TERSERAH PENGGUNAAN-NYA

KETUA Pegawai Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dalam taklimat-nya kapada pendudok2 Mukim Lumapas pada minggu lalu telah menyerukan supaya raayat terus-menerus menyuarakan masaalah2 mereka melalui saloran2 yang sehat. Menurut-nya, perkembangan terakhir menunjokkan betapa kita di-negeri ini sangat luar biasa beruntong dapat menyuarakan masaalah2 kita sa-hinggakan langsong ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui keberangkatan Baginda ka-mukim2.

Hal itu dengan sendiri-nya menolak sangkaan yang konon-nya raayat tidak bebas bersuara dan kepentingan2 mereka di-abaikan. Soal-nya, saperti yang di-tekankan oleh Ketua Pegawai Penerangan, ia-lah terserah kapada raayat mempergunakan kesempatan2 yang sedia ada itu dengan sa-baik2-nya dan menghargakan peluang2 bersuara di-sempena keberangkatan Kebawah DYMM ka-mukim2 itu sa-chara jujor, teliti dan tertib.

Maksud-nya telah di-jelaskan ia-itu; jujor dalam makna membangkitkan masaalah2 yang benar2 berfaedah dan berkebajikan; teliti dalam makna masaalah2 itu betul2 munasabah di-bangkitkan di-hadapan Baginda; dan tertib ia-lah dalam makna sa-waktu menyembahkan atau pun mendengarkan masaalah2 di-sembahkan itu, maka masing2 orang dapat mengawal diri untok menurut chara kelaziman kita orang2 Brunei dengan manis lagi bersopan.

# SOAL DISIPLIN HARUS DI-TITEKBERATKAN DI-KALANGAN PENUNTUT

**BERIKUT ia-lah uchapan Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, sa-masa Hari Pelajar Sekolah Inggeris Berakas dalam bulan lalu.**

DALAM mana2 jua sistem pendidekan di-dunia ini, matalamat dan sistem pelajaran termasok karikulum-nya ada-lah bertujuan untok dapat melahirkan tenaga raayat bagi jangka panjang dan pendek yang di-perlukan oleh negara di-samping berusaha untok menghasilkan satu masharakat yang kukoh bersatu padu, berdisiplin tinggi dan chukop terlateh.

Pendidekan yang baik harus dapat menghasilkan sa-orang individu yang sa-imbang, sa-orang individu yang mengalami perkembangan yang menyeluroh dari segi fizikal, intelek dan emosi. Individu yang di-maksudkan harus pula mempunyai keyakinan kapada diri sendiri, berdikari dan boleh menjadi anggota masharakat yang bertanggong-jawab. Pendidekan perlu memelihara keperluan dan chita2 negara supaya wujud raayat yang boleh memberi sumbangan kapada negara dan memenohi keperluan gunatenaga.

### SISTEM PENDIDEKAN

Di-lihat dari kepentingan pembangunan negara kita, tenaga raayat yang di-perlukan hasil daripada sistem pendidekan yang berkesan itu bukan sahaja patut di-lihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang di-mileki bahkan perlu di-lihat juga dari segi nilai2 disiplin yang perlu di-terima. Dari segi sikap, mereka mesti-lah jujor, amanah dan penoh dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja di-kehendaki chekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik samada sa-chara persendirian mahu pun sa-chara beramai2 dengan berpandukan budi pekerti dan akhlak yang mulia. Tegas-nya, individu yang di-lahirkan dari sistem persekolahan negara kita itu perlu-lah sa-laras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan menurut lunas2 Islam yang sa-benar2-nya.

Perkara ini senghaja saya ketengahkan kerana ia-nya mempunyai kaitan yang paling rapat dengan chogan kata Hari Pelajar tahun ini yang berbunyi "Mutu Pendidekan Sekarang Membentok Masharakat Akan Datang".

Untok dapat membentok dan mewujudkan satu masharakat yang sempurna dalam segala aspek kehidupan di-masa hadapan maka kita mesti-lah menitekberatkan soal2 yang ada kaitan dengan disiplin kerana salah satu daripada matalamat pendidekan itu ia-lah untok dapat melahirkan individu2 yang berdisiplin kerana mereka yang berdisiplin ada-lah sedar akan tanggong-jawab terhadap diri sendiri, keluarga, masharakat, institusi2 pelajaran dan sosial serta negara-nya. Disiplin diri ada-lah amat mustahak dalam usaha2 kita hendak mewujudkan satu masharakat Brunei yang bertatasusila, bersatu padu, adil dan progresif.

Disiplin sa-seorang pelajar bukan di-tentukan oleh sekolah sahaja alam sekitar serta masharakat juga mempunyai pengaroh terhadap pembentokan disiplin sa-seorang pelajar. Masharakat sekeliling dan persekitaran pelajar2 di-luar sekolah amat kuat pengaroh-nya di-dalam pembentokan disiplin pelajar.

### MEMAHAMI

Dalam mewujudkan dan mengembangkan disiplin yang kita kehendaki di-kalangan para pelajar, penglibatan penoh para ibubapa sa-chara aktif ada-lah amat di-perlukan sekali. Hubongan yang rapat di-antara sekolah dengan rumah dan masharakat membolehkan wujud-nya hubongan timbal balek di-antara guru2 dengan ibubapa. Dengan terjalin-nya hubongan ini maka ibubapa akan dapat memahami pelajar2 di-sekolah dan guru2 pula akan dapat memahami masaalah di-rumah. Justeru kerana itu kedua2 belah pehak akan dapat berusaha untok mengatasi masaalah pelajar2 sa-chara bersama lagi penoh berkesan. Usaha penyeliaan begini dapat di-laksanakan dengan lebeh sempurna lagi melalui Persatuan Ibubapa dan Guru yang sepatut-nya kita adakan di-tiap2 buah sekolah di-seluroh negeri ini. Saya perchaya pehak ibubapa akan dapat mengambil perhatian berat terhadap kegiatan2 Persatuan Ibubapa dan Guru itu nanti.

Menyentoh mengenai pengaroh2 luar ternyata sekali bahawa pelajar2 sekolah termasok golongan muda-mudi amat mudah terpengaroh dengan apa yang di-lihat dan di-dengar-nya. Dalam hubongan ini mass media menjadi salah satu sumber pengaroh yang kuat.

### TERPENGAROH

Saya dapati pada masa2 kebelakangan ini ada para pelajar dan muda-mudi yang mudah terpengaroh oleh unsor2 kebudayaan yang kurang sehat dari luar. Anasir2 luar ini pula telah menimbulkan gejala2 saperti penyalah-gunaan dadah, kebudayaan2 kuning, kebebasan individu yang berketerlaluan tanpa mementingkan kepentingan masharakat umom dan sa-bagai-nya. Pengaroh2 luar ini biasa-nya meresap melalui majallah2, piring hitam dan pita perakam, filem2 dan mass media lain serta kumpolan2 hippies dan sa-bagai-nya. Kita mengakui bahawa tidak kesemua-nya pengaroh luar itu burok, tetapi ada-lah amat wajar untok kita mengambil langkah2 positif agar pelajar2 sekolah tidak di-pengarohi oleh anasir2 kebudayaan luar yang kurang sehat yang akan merugikan bangsa dan negara kita sa-chara total.

Sa-tiap sekolah mempunyai peratoran2 yang perlu di-patohi oleh para pelajar. Peratoran2 tersebut di-kenakan dengan tujuan untok mendidek para pelajar supaya berkelakuan baik, menghormati hak orang ramai dan mempunyai disiplin diri.

### DI-TERANGKAN

Memandangkan bahawa mematohi peratoran sekolah itu merupakan satu latehan disiplin yang baik kapada para pelajar maka pada hemat saya ada-lah sangat2 mustahak segala peratoran di-sekolah di-terangkan kapada para pelajar supaya mereka betul-betul faham dan mematohi peratoran2 ini dengan penoh tanggong-jawab.

Sa-bagai sa-orang yang meminati bidang pendidekan, saya mendapati ada juga perubahan2 melalui kaedah mengajar yang baru dari luar jika tidak chukup di-teliti dan di-sesuaikan dengan objektif2 pendidekan negara kita akan menyebabkan kemerosotan disiplin, mithal-nya kaedah2 pengajaran baru yang terlalu mengutamakan kebebasan para pelajar dalam berbagai kegiatan bilek darjah hingga menimbulkan anggapan dan sikap menentang peratoran2 sekolah. Pendidekan yang terlalu menekankan kebebasan individu pada perengkat kanak2 jelas lebeh banyak membawa keburokan dari kebaikan. Di-negara2 barat mithal-nya, di-mana nilai2 tradisional telah di-ketapikan sama sekali, anak2 tidak lagi menghormati kedua ibubapa dan para pelajar pula kurang menghormati guru2 mereka. Kepinchangan saperti ini sa-patut-nya menyedarkan kita untok berhati2 dalam memberi kebebasan individu pada perengkat umor yang lebeh tinggi sesuai dengan kematangan dan peranan yang akan di-mainkan oleh para pelajar di-sekolah, di-rumah dan sa-terus-nya dalam masharakat sekeliling-nya. Oleh yang demikian, konsep kebebasan individu hendak-lah kita nilai sa-mula dalam konteks kehidupan rumah-tangga, sekolah dan masharakat sekeliling para pelajar supaya kebebasan individu yang di-berikan kapada mereka dapat di-gunakan dengan sa-penoh kebijaksanaan dan tidak bertentangan dengan kehendak2 ugama. Di-samping itu nilai2 tradisional yang menggalakkan sikap bersopan santun dan hormat menghormati di-antara individu dan di-antara golongan muda dengan angkatan tua hendak-lah terus di-semai dan di-pupok tanpa kendor2-nya. Namun begitu mereka yang senantiasa berdamping rapat dengan para pelajar saperti ibubapa dan guru2 hendak-lah sa-boleh2-nya menunjokkan chontoh tauladan yang baik lagi mulia.

Hanya dengan melahirkan para pelajar yang berdisiplin tinggi, yang terpelajar lagi terdidek, yang beriman lagi penoh bertakwa sahaja-lah kita akan berasa lebeh yakin untok memileki satu masharakat yang sempurna sesuai dengan era pembangunan Negeri Brunei Darussalam yang berdaulat penoh lagi merdeka.

## MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# RAAYAT DI-BERI PELUANG BEBAS BERSUARA

## Mengemukakan masaalah kapada Kerajaan melalui saloran2 yang sehat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman mensifatkan raayat dan pendudok2 di-negeri ini beruntong dapat mengemukakan kemushkilan2 dan masaalah2 mereka kapada kerajaan melalui saloran2 yang sehat.

Beruchap di-majlis taklimat kapada 30 orang peserta dari Mukim Lumapas anjoran Bahagian Penerangan pada Khamis lepas, Awang Haji Badaruddin menambah bahawa perkembangan2 terakhir menunjokkan bahawa raayat berpeluang bersuara sa-chara bebas sa-hingga di-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Saloran2 yang sedia ada dan juga peluang berchakap sa-chara terbuka di-hadapan pemerentah tertinggi di-negeri ini saperti yang terbokti di-Mukim Saba dan Peramu baru2 ini telah menolak sangkaan2 sa-lama ini yang raayat tidak mempunyai kebebasan berchakap, mereka konon-nya di-kongkong serta kepentingan2 mereka tidak di-ambil perhatian serious," ujar Ketua Pegawai Penerangan.

Sa-balek-nya kita di-negeri ini, tambah-nya lagi, ia-itu kerajaan dan raayat sudah sedia ada mempunyai hubongan dua hala dalam bentok dan chara pengalaman kita yang mana jelas-nya, bentok serta chara itu terbokti mendatangkan faedah pada memelihara kepentingan2 kita dan sarentak dengan itu memantapkan suasana negeri kita.

Baik apa pun tanggapan atau fahaman kita terhadap saloran2 raayat menyuarakan masaalah2 mereka saperti 'formate-nya' yang sekarang ini, namun yang jelas, tambah Ketua Pegawai Penerangan, ia merupakan suatu chara yang istimewa dan jika di-teliti ia mempunyai kelebehan dari chara saloran2 biasa yang di-amalkan di-negeri lain.

### MENYUARAKAN

Ini tambah-nya, terserah-lah kapada kita sabagai raayat yang chintakan negeri ini untok mempergunakan saloran2 yang ada itu dan peluang2 yang di-berikan itu dalam menyuarakan satu2 masaalah yang di-hadapi dengan jujor, teliti serta tertib.

"Jujor pada mempergunakan-nya untok tujuan2 yang berfaedah; teliti pada menentukan yang masaalah yang di-hadapkan dan di-bangkitkan itu munasabah dan mempunyai 'merit'; tertib pada mengemukakan-nya dengan chara kesopanan kita orang2 Brunei," jelas-nya.

### CHEMERLANG

Beliau penoh perchaya, jika peluang2 berchakap atau bersuara yang di-berikan itu terus-menerus di-pergunakan dengan jujor, teliti dan tertib, maka kita di-Brunei ini, akan lebeh mempunyai masa depan yang chemerlang dalam mengekalkan perhubongan serta persefahaman yang baik di-antara kerajaan dan raayat.

Melalui taklimat sa-umpama ini juga, jelas Awang Haji Badaruddin, orang ramai berpeluang untok menyuarakan masaalah2 yang mereka hadapi kapada kerajaan di-samping mengetahui dan memahami hal ehwal kerajaan menerusi jabatan2 yang di-undang terutama dari segi ranchangan2 yang berhubong dengan orang ramai sa-chara am-nya.

Tambah-nya, kerajaan melalui taklimat ini juga mendapat maklumat balas (feed back) dari orang ramai berhubong dengan satu2 dasar dan perlaksanaan dasar serta juga perkara2 lain yang juga di-kendalikan oleh kerajaan.




**PENDUDOK2 Mukim Lumapas yang menyertai taklimat itu bergambar ramai dengan Ketua Pegawai Penerangan dan lain2 pegawai penyelaras.**

# Tanah2 TOL tidak akan di-keluarkan geran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pegawai Tanah Kanan, Awang Saifon bin Awang Besar menegaskan bahawa tidak pernah berlaku sa-takat ini kerajaan akan mengeluarkan geran2 kapada tanah2 TOL (Lesen Tumpang Sementara) saperti yang maseh di-sangkakan oleh sa-golongan kechil pengguna2 TOL.

Malahan, kata-nya, kerajaan terpaksa akan membatalkan sa-bahagian daripada tanah2 TOL jika kawasan2 itu di-perlukan atau terlibat dengan projek2 kerajaan.

Menegaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Lumapas di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini hari Khamis lepas, Awang Saifon seterus-nya berkata bahawa pembatalan tanah2 TOL juga berlaku berpuncha dari sebab2 keengganan pengguna2 TOL itu mematohi sharat2/permohonan yang di-tentukan.

### DI-BIAR KOSONG

Dari penyisatan2 yang di-jalankan oleh jabatan itu, jelas beliau sa-lanjut-nya, terdapat sa-bilangan pengguna2 TOL yang bukan sahaja tidak membaharui lesen2-nya tetapi juga membiarkan kawasan2 TOL-nya kosong tanpa sedikit pun di-usahakan.

Menurut-nya, tindakan atau perbuatan sa-umpama ini bukan hanya merugikan kapada si-pemohon bahkan juga telah menghalang peluang lain terutama mereka2 yang sangat2 memerlukan tanah di-negeri ini.

Dalam hubongan ini, Pemangku Pegawai Tanah Kanan itu, meminta kerjasama kapada ketua2 kampong untok meneliti satu2 kawasan yang di-pohonkan oleh anak2 buah masing2 pada memastikan samada kawasan2 yang di-pohonkan itu benar2 kosong.

"Dan jika di-fikirkan perkara permohonan itu akan mendatangkan kesusahan atau kesulitan kapada anak2 buah atau kampong maka ketua2 kampong berkenaan boleh-lah menghadapkan pandangan atau buah fikiran mereka samada menerusi borang2 permohonan TOL berkenaan atau berunding sa-chara langsong dengan pegawai2 berkenaan," ujar-nya.

Kerajaan, kata-nya, bertujuan memberikan tanah2 TOL ia-lah sa-bagai langkah sementara bagi merengankan masaalah tiada bertanah serta lain2 yang memerlukan penggunaan sementara.

Di-mana, kata-nya lagi, lesen2 TOL ini berakhir tempoh-nya pada 31hb Disember tiap2 tahun dan boleh di-pohonkan untok di-sambong atau di-baharui sa-belum tempoh itu berakhir.

### PERKEMBANGAN

Ketetapan samada tanah2 TOL itu di-sambong sa-mula atau tidak pada lazim-nya tertaklok kapada pemereksaan sa-mula mengenai keadaan dan perkembangan yang terdapat di-atas tanah tersebut sa-belum Pegawai Tanah mempertimbangkan-nya.

Beliau juga mengingatkan kapada pengguna2 tanah2 TOL bahawa tanah2 tersebut tidak di-bolehkan menanam pokok2 kekal saperti durian, rambutan dan sa-bagai-nya malahan kata-nya hanya boleh di-gunakan untok menanam sayor2an.

Menyentoh mengenai dengan tanah posit atau LA, Awang Saifon menjelaskan bahawa kerajaan telah membekukan permohonan2 tanah tersebut sejak kira2 pertengahan tahun 1954 hingga pada masa ini kerajaan belum lagi bersedia untok menimbangkan permohonan2 baharu.

Ini ia-lah kerana kata-nya, Jabatan Tanah pada masa ini sedang menguruskan dan menyelesaikan permohonan2 tanah sa-umpama itu yang maseh belum lagi selesai di-timbangkan.

"Ketetapan atau keputusan mengenai dengan permohonan ini juga di-tentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam Majlis Mashuarat Menteri2," jelas Awg Saifon.

Berhubong dengan pemechahan tanah pula, Awang Saifon menjelaskan bahawa kerajaan sejak tahun 1974 telah menubohkan Jawatankuasa Kawalan Pemechahan Tanah yang di-tubohkan mengikut kehendak undang2 Kawalan Kemajuan Peranchangan Bandar dan Negara.



**AWANG Saifon bin Awang Besar (kanan) ketika memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Lumapas.**

# DASAR PELAJARAN UGAMA DI-NEGERI ISLAM — SUATU PANDANGAN

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

**PADA memberi pelajaran dan pengetahuan Islam kapada kanak-kanak dan belia-belia Islam hendak-lah di-perhatikan kehendak dan tujuan Islam pada meletakkan tanggong-jawab ka-atas sa-seorang mukallaf itu terhadap hukum2 Islam yang mesti di-pikul-nya dan mesti di-hadapi-nya bagi sa-panjang hayat-nya.**

## BAHAGIAN II

### ULASAN TERHADAP SUKATAN PELAJARAN

SAYA lihat sukatan pelajaran ugama Islam di-Kementerian Pelajaran Mesir, saya juga ada melihat sukatan pelajaran ugama sekolah ugama Johor dan Brunei serta sukatan pelajaran ugama Kementerian Pelajaran Ugama Malaysia. Saya dapati tidak begitu memenohi kemahuan dan hajat ugama Islam bagi membentok peribadi kanak2 dan belia2 Islam, kerana sukatan2 itu meninggalkan sa-bahagian yang mesti di-ketahui dan mesti di-tempoh oleh kanak2 dan belia2 Islam itu dalam hidup mereka sa-hari2.

NAMPAK-NYA tujuan kementerian itu hanya hendak memberi pengetahuan Islam yang 'am kapada kanak2 dan belia2 Islam dengan tiada memandangkan apa dia fardhu 'ain yang di-mestikan oleh Islam supaya di-ajarkan kapada mereka dan apa dia fardhu kifayah yang sayugia di-ajarkan serta yang akan di-tempoh dan di-buat oleh kanak2 dan belia2 Islam dalam masa hidup mereka di-hari depan.

### SUNTOK MASA

SUKATAN pelajaran ugama di-sekolah ugama Johor dan Brunei dan lain2 negeri yang memakai pelajaran ugama dan mengajar-nya di-sekolah petang atau di-sebelah pagi telah meninggalkan sa-tengah2 fardhu 'ain dan fardhu kikayah kerana kesuntokan masa dan waktu dalam sukatan perkara ugama itu atau pembuat2 sukatan itu kurang nampak betul akan matalamat ugama Islam pada memberi pelajaran pengetahuan Islam kapada kanak2 dan belia2 Islam itu.

### Siri ke-99

BARANGKALI juga terpengaroh dengan sukatan pelajaran ugama Islam yang di-susun oleh Cambridge dan Oxforld Universiti London dan lain2 pengajian tinggi di-luar negeri, dan barangkali mereka terpengaroh juga dengan sukatan pengajian Islam di-pusat2 pengajian tinggi akademik2 bangsa Eropah dan Amerika.

### PENGAROH

SUKATAN pelajaran ugama yang di-buat oleh bangsa asing atau oleh orientalis hanya sa-takat hendak tahu Islam sa-chara 'am dan sa-chara untok dapat menentang, mengulas dan membantah ugama Islam, bukan kerana hendak di-amalkan dan di-pakai pada masa akan datang oleh kanak2 dan belia2 Islam itu yang mana masaalah itu pasti mereka tempoh dan hadapi dalam hidup mereka. Sebab itu-lah ulama Islam telah membahagikan ilmu Islam itu kapada fardhu 'ain dan fardhu kifayah serta menentukan yang mana bukan fardhu 'ain dan yang mana pula bukan fardhu kifayah sa-bagaimana di-sebutkan dalam Al-Majmuk oleh Al-Imam An-Nawawi.

PERKARA ini saya fikir patut menjadi perhatian bagi yang membuat dasar pelajaran ugama Islam yang hendak di-ajarkan kapada kanak2 dan belia2 Islam di-zaman sekarang supaya mereka dapat menghadapi segala perkara yang berbangkit di-masa hadapan dan boleh menghuraikan perkara2 itu menurut pandangan Islam yang di-bekalkan kapada mereka sa-masa di-bangku sekolah lagi.

### MASAALAH BERBANGKIT

PENUNTUT2 Islam sekarang tiada dapat menghadapi masaalah2 yang berbangkit di-hadapan mereka dan tiada dapat menghuraikan segala kebuntuan masaalah hidup yang berlaku di-sekeliling mereka sa-chara Islam dan dengan pandangan Islam sebab mereka tiada di-beri chukop pandangan Islam dan huraian sa-chara Islam terhadap kejadian2 yang berlaku dalam masa hidup mereka sa-telah meninggalkan bangku sekolah.

KERANA itu datang tohmah mengatakan Islam tidak dapat melayani hajat hidup, dan Islam di-katakan lemah untok menghuraikan masaalah2 hidup manusia. Pada hal sukatan pelajaran Islam yang ada itu tiada di-kemaskan dan tiada di-buat oleh pembuat2 dasar pelajaran itu dengan tepat dan betul menurut kehendak masa dan aliran hidup manusia.

### MATLA'UL BADRAIN

SILA lihat Matla'ul Badrain yang di-karang oleh pengarang-nya As-Sheikh Muhammad bin Ismail Daud Patani (rahimahullah) melengkapi segala hukum2 dan pengetahuan bagi menghadapi hidup yang berbangkit pada zaman-nya dan zaman sekarang. Tetapi pembuat dasar pelajaran ugama Islam tiada dapat memahamkan dan menelan apa yang di-tulis oleh pengarang kitab itu dan menyesuaikan ibarat serta talatah dan susunan yang sunggoh2 pada menekankan dan menghuraikan sa-suatu masaalah atau perkara.

PENGARANG kitab2 Islam, mereka menghuraikan masaalah2 dan perkara2 Islam yang mereka fikir patut di-ketahui oleh orang Islam dan mengikuti suasana yang ada pada zaman mereka dengan tiada memandang akan keadaan sa-suatu tempat dengan chara khusus dan tertentu. Akan tetapi pembuat2 dasar pelajaran ugama di-sekolah2 di-sesuatu tempat dan negeri hendak-lah mengambil dari kitab Islam mana dia fardhu 'ain dan mana dia fardhu kifayah dan mana pula perkara2 yang bukan dari jenis kedua-nya itu, dengan memadankan kapada tempat dan negeri sukatan itu akan di-pakai.

KITA tiada-lah mesti memakai sistem Padri Dunlop di-Mesir dan sistem Padri Chistman di-Malaysia, sa-balek-nya kita mesti-lah membuat sa-suatu langkah dan sistem yang padan mengikut hajat dan sosial serta kehendak kehidupan kita supaya kita arahkan atau halakan sosial dan kehidupan kita yang ada kapada arah serta suasana Islam.

### KELEMAHAN

KELEMAHAN menghuraikan masaalah Ugama kapada murid2 dan kanak2 sekolah menjadikan masaalah atau hukum itu kelihatan tidak bertenaga dan tawar dan menjadikan huraian2 sa-chara Islam itu tidak menarek.

SAYA lihat pula mana2 pemuda Islam baik lelaki atau perempuan yang masok dalam kumpolan dakwah Islam dari Britain apabila mereka balek kamari mereka di-dapati berubah chorak dalam pakaian, gerak geri dan tingkah laku dan memadankan diri mereka menurut suasana Islam dan hidup chara Islam. Begitu juga pemuda2 Islam baik lelaki dan perempuan yang masok dalam kumpolan dakwah dinegeri2 sebelah sini telah memadankan diri mereka dan gerak geri mereka dengan hidup chara Islam dan semangat Islam.

MENGAPA pula murid2 dan kanak2 sekolah serta belia2 Islam (yang belajar ugama Islam di-sekolah2 di-negeri Islam — Penyunting) sukar menyesuaikan diri serta gerak geri dan kelakuan mereka dengan Islam dan hidup chara Islam ?

*WALLAHU A'ALAM.*

**MINGGU HADAPAN — SEBAB2 MENGAPA KANAK2 DAN BELIA2 ISLAM TIDAK DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DENGAN CHARA HIDUP ISLAM**

## IBADAT HAJI :

# MENGORBANKAN KESENANGAN UTK MENUNTUT KEREDHAAN ALLAH

SA-BAGAI umat Islam, kita merasa bershukor kerana bilangan jemaah haji pada tahun ini semakin meningkat sa-hingga melebehi 1,500 orang. Dan kita perchaya bilangan ini akan bertambah dari sa-tahun ka-setahun insha Allah.

Di-samping ada-nya berbagai2 kemudahan dan perkhidmatan yang menyenangkan orang ramai menunaikan ibadat haji itu, kita yakin bertambahnya bilangan jemaah haji itu ada-lah di-sebabkan juga oleh meningkat-nya kesedaran umat Islam terhadap penting-nya mereka menunaikan ibadat tersebut, dan meningkat-nya taraf ekonomi mereka.



### MENGGEMBIRAKAN

Apa yang lebeh menggembirakan lagi, ramai pula di-antara para jemaah haji itu yang sudah pernah sekali atau dua kali atau banyak kali sudah naik haji sebelum-nya dan kali ini lebeh ramai pula membawa kaum keluarga masing2. Alhamdulillah ini-lah satu perkembangan yang menunjokkan kemajuan kita bukan sahaja di-bidang ugama bahkan juga di-bidang ekonomi yang menandakan bertambah-nya kesenangan hidup umat Islam di-negeri ini.

Kita perchaya tidak semua para jemaah haji itu merupakan orang yang benar2 kaya, malahan sa-bahagian besar dari mereka ada-lah raayat biasa yang serba sederhana.

Mereka tidak menunggu sampai kaya raya dahulu baharu-lah akan menunaikan ibadat haji. Tidak! Akan tetapi mereka sudah bertahun2 memasang niat hendak menunaikan ibadat haji untok melengkapkan rukun Islam sa-bagai sa-orang Islam yang mukallaf, atau dengan lain2 perkataan, melakukan ibadat haji itu telah mereka jadikan satu chita2 hidup yang ingin mereka chapai sa-belum berpulang ka-rahmatullah.

Lalu untok menchapai chita2 tersebut mereka bekerja keras dan berusaha mengumpol wang sedikit demi sedikit sa-hingga menchukopi untok keperluan mengerjakan haji.

### PERJALANAN

Sa-telah sampai saat pemergian ka-Mekkah, mereka bersedia pula memempoh segala macham kesulitan dan kepayahan baik di-dalam perjalanan mau pun sa-panjang mereka menunaikan ibadat haji dan umrah itu. Bahkan sekira-nya ajal mereka telah sampai ketika mengerjakan ibadat tersebut mereka rela dan setengah-nya itu-lah yang mereka harap2kan. Begitu pun dan betapa pun kesulitan dan kepayahan yang telah mereka hadapi sa-panjang menunaikan ibadat tersebut tidak pernah ada orang menyesal kerana-nya, bahkan masing2 ingin pula datang lagi ka-tanah suchi itu walau pun beberapa kali. Kalau tuan2 belum pernah naik haji dan kurang perchaya akan kebenaran kenyataan ini, chuba-lah tuan2 naik haji sekali, pasti tuan2 akan (nyanyat), berulang kali. Boktinya dapat kita saksikan begitu ramai orang yang telah pernah naik haji maseh tidak jemu2 berbuat demikian bila2 ada kesempatan dan chukop perbelanjaan.

### BERKORBAN

Begitu-lah semangat umat Islam dalam menghadapi ibadat haji, mereka sanggup berkorban kesenangan, harta benda dan jiwa raga demi menunaikan perintah Allah dan menuntut keredhaan. Semangat begini-lah yang kita kehendaki dari sa-tiap umat Islam dalam menghadapi lain2 tugas dan kewajipan baik yang menyangkut mengenai ibadat kapada Allah mau pun tugas2 harian kita. Semangat semacham ini-lah boleh mendorong kita bekerja dengan ikhlas, jujor dan amanah, kerana tiada yang kita tuntut di-sebalek ibadat atau pekerjaan kita melainkan keredhaan Allah jua. Dari itu mari-lah kita resapkan semangat pengorbanan kita dalam menghadapi ibadat haji itu kapada lain2 ibadat dan tugas kita untok menchapai keredhaan Allah dan untok meningkatkan mutu pekerjaan dan perkhidmatan kita.



MAJALLAH Jabatan Hal Ehwal Ugama yang di-beri nama AL-HUDA kini telah bertukar wajah kapada bentok yang lebeh menarek, terutama sekali keluaran-nya yang terbaru ini ia-itu siri ke-49. Majallah ini di-terbitkan tiap2 empat bulan sekali (gambar atas).

Sa-lain dari majallah Al-Huda Jabatan Hal Ehwal Ugama juga ada menerbitkan berbagai2 buku dalam bentok siri dakwah Islamiah dan pengetahuan Islam. Tafsir Al-Kor'an bersiri yang di-beri nama TAFSIR DARUSSALAM yang di-terbitkan tiap2 tiga bulan sekali akan tetap di-teruskan penerbitan-nya.

Siapa2 yang ingin untok mendapatkan buku2 yang di-terbitkan oleh Jabatan tersebut boleh berhubong ka-bahagian berkenaan di-jabatan itu.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7hb Oktober, 1981 hingga kahari Selasa 13hb Oktober, 1981 ada-lah saperti dibawah ini : —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 8hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 9hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 10hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 11hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 12hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 13hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Kukohkan persaudaraan jauhi prasangka

O Bingkisan minggu ini

UMAT Islam di-zaman Rasulullah (s.a.w.), ada-lah terkenal sa-bagai suatu umat yang bersatu padu dan chinta menchintai antara satu sama lain, ibarat sa-buah bangunan besar yang tegoh, amat-lah sukar bagi musoh2 Islam untok menghanchor-leborkan perpaduan umat Islam di-zaman itu.

Sa-bagai ugama yang tidak terhad kapada suatu kaum atau bangsa, Islam ada-lah ugama yang menyeluroh kapada seluroh umat manusia dan semua lapisan masharakat dari apa bangsa atau bentok rupa, namun begitu Islam ada-lah merupakan suatu ikatan yang mengikat sa-tiap orang Islam ka-dalam suatu paduan yang kukoh dan kuat, kerana itu tidak ada beza di-antara satu dengan yang lain, kechuali sifat takwa-nya. Firman Allah (s.w.t.), dalam Surah Al-Hujurat ayat 13, yang kira2 maksud-nya: *"Wahai manusia sa-sunggohnya Kami (Allah) menchiptakan kamu dari sa-orang lelaki dan perempuan dan menjadi kamu berbangsa2 dan bersuku2 supaya kamu saling kenal-mengenal, sesunggoh-nya orang yang paling mulia di-antara kamu di-sisi Allah ia-lah orang yang paling bertakwa di-antara kamu, sesunggohnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenal."*

### ASAS2 PENTING

Kerana itu bagi sa-tiap diri perseorangan Muslim, tidak seharus-nya merasai bahawa diri-nya itu terasing dalam masharakat Islam, kerana Islam telah meletakkan asas2 penting bagi mengator masharakat yang tidak memehak kapada pehak yang lain atau menyebelahi pehak yang lain, bahkan Islam melarang keras jika ada unsor2 atau sifat2 yang chuba memechahkan masharakat Islam baik untok kepentingan peribadi atau umom.

### PRASANGKA

Dalam soal perpechahan masharakat Islam, satu sifat yang di-larang oleh Allah harus-lah di-hindarkan, sifat tersebut ia-lah sifat prasangka atau jahat sangka. Sifat prasangka ada-lah di-antara sifat yang di-larang keras oleh Allah kapada orang2 mu'min. Saperti mana maksud firman Allah dalam Surah Al-Hujurat ayat 12, yang maksud-nya kira2: *"Wahai orang yang beriman, jauhi-lah kebanyakan dari prasangka, sesunggoh-nya sa-bahagian prasangka itu ada-lah dosa, dan jangan-lah kamu menchari2 kesalahan orang lain, dan jangan-lah sa-bahagian kamu mengumpat sa-bahagian yang lain, apa-kah suka sa-seorang dari kamu memakan daging bangkai saudara-nya? Maka (tentu) kamu jijik kapadanya dan berbakti-lah kapada Allah, kerana sesunggoh-nya Allah itu maha pengampun dan penyayang."*

Sifat prasangka ini lahir-nya dari rasa kechewa yang ada pada diri sa-seorang manusia, ia-nya timbol akibat diri-nya tidak ada tempat dalam masharakat atau pun ada-nya diri-nya dalam masharakat tetapi tidak di-hargai, oleh itu mereka yang sedemikian akan senantiasa berusaha menunjokkan diri-nya ka-dalam masharakat dengan melakukan berbagai chara untok menarek perhatian ramai, dari rasa tidak ada-nya harga diri ini-lah boleh menimbulkan sifat prasangka yang akhir-nya akan menimbulkan unsor2 yang tidak sehat di-kalangan masharakat-nya. Orang yang bersifat prasangka ini bukan sahaja tidak senang terhadap diri-nya, tetapi akan lahir ekoran dari itu perasaan hasad dengki, dendam dan suka melakukan sesuatu yang bertujuan untok melaga2kan orang lain atau chuba merosakkan perpaduan yang telah ada, bahkan lebeh dari itu akan berusaha menghalang satiap kemajuan dari di-laksanakan.

### POKOK PENTING

Islam tidak menegah umat-nya berprasangka yang baik yang menjadi asas dan pokok penting dalam meletakkan atau menentukan hukum, tetapi apa yang di-larang umat-nya menanam sifat prasangka jahat terhadap sa-sama anggota masharakat Islam, kerana prasangka jahat ini bukan sahaja tidak merelakan saudara sesama Islam untok sama2 merasai kenekmatan, bahkan orang yang bersifat sa-demikian akan berusaha untok menghilangkan nekmat yang telah sedia ada pada saudara-nya sesama Islam. Sifat sa-demikian akan merosakkan, malah akan meruntohkan tenaga pengikat yang telah menyatukan umat Islam dalam proses pembentokan suatu masharakat yang padu dan kuat. Kepaduan dan kekuatan tidak akan lahir atau ujud kalau anggota masharakat tidak merasai bertanggong-jawab dan rela-merelai terhadap kenekmatan sesama-nya dalam sesuatu masharakat itu khusus-nya masharakat umat Islam.

Kerana itu kita umat Islam harus-lah menjauhkan diri dari mempunyai sifat prasangka terhadap sesama Islam, kerana dengan bersifat sa-demikian (menjauhi sifat prasangka) akan menguiudkan suatu ikatan yang kukoh dalam erti-kata persaudaraan dalam Islam atau lebeh di-kenal dengan sebutan 'Ikhwah Islamiah'.

# 'DEMI KASEH-NYA' *tajok sandiwara radio minggu ini*

PENULIS Mohd Hairol Azmi, Brunei dalam Sandiwara Radio kali ini berjodol DEMI KASEH-NYA akan membentangkan segelintir kesah kehidupan masharakat dalam satu keluarga yang mempunyai aneka ragam kehidupan.

Di-mana cherita DEMI KASEH-NYA ini, peranan watak si-ibu sunggoh ketara tidak begitu merestui perkahwinan anak-nya Halim dengan pilehan-nya sendiri (Nura).

Si-ibu mahukan Halim itu berkahwin dengan pilehan-nya sendiri (Salwa). Tetapi sayang target pertunangan Halim dan Salwa itu tidak berkekalan, kerana ketika Halim menuntut di-luar negeri, Halim telah jatoh hati kapada sa-orang gadis Inggeris bernama Katherin ia-itu Nura sa-telah Islam-nya.

Ketika bersua dengan si-ibu, aneka bentok ragam si-ibu terbayang jelas membenchi Nura. Tidak hairan-lah apa pun yang di-buat oleh Nura untok menunjokkan kebaktian dan kaseh-sayang-nya terhadap keluarga Hailm, namun ibu mertua-nya tetap membenchi dia.

Tetapi Rani adek Halim, begitu mesra sekali dengan kakak ipar-nya Nura itu. Hinggakan satu ketika Nura sanggup menghantar Rani untok pergi sekolah, meski pun Nura belum biasa jalan2 yang di-lalui. Ini-lah yang membawa insiden terhadap Nura. Rani, Halim dan seluroh keluarga menaroh perhatian terhadap Nura.

Apa-kah perhatian yang telah di-tumpukan oleh keluarga Nura terhadap diri-nya ? Apa-kah pula peranan yang di-mainkan oleh Salwa bekas tunangan Halim dahulu, atau bagaimana ?

Untok mengetahui isi lanjut perjalanan DEMI KASEH-NYA ini, kami persilakan awda untok mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada 11hb Oktober, 1981, jam 12.00 tengahari, hari Ahad.

Sandiwara Radio minggu ini akan di-terbitkan oleh Ak Sulaiman bin Pg Haji Tuah.



SIRI "Children of Brunei" memperlihatkan penghidupan harian dua orang kanak2 Brunei, Zainuddij dan Bunta terutama sekali dalam menitek-beratkan ajaran2 Islam.



KALAU-LAH awda menganggap diri awda ada-lah sa-bagai pendengar, yang sentiasa mempunyai sifat ingin tahu akan perkembangan2 negara kita dengan chara mengikut siaran radio, di-samping membacha akhbar2 atau pun membuat peninjauan di-sekitar negara kita ini, akan menambahkan pengetahuan dari apa yang kita chakup itu sendiri.

Sa-panjang siaran Kampong Terpuji ka-udara, sudah tentu awda pendengar akan dapat membuat penilaian sendiri sa-tiap siaran2 yang di-keudarakan itu.

Untok mengetahui akan perkembangan Kampong Selapon, Daerah Temburong, kami persilakan pendengar sekalian mengikuti siaran-nya pada hari Ahad 11hb Oktober 1981 jam 2.30 petang.

Sementara itu kelihatan dalam gambar atas Abdul Manap Adam sedang beramah-mesra dengan salah sa-orang yang membuat perahu, di-salah sa-buah kampong yang juga turut serta menyertai ranchangan Kampong Terpuji.

# RADIO DAN SOKAN — Saperti aur dengan tebing

RADIO dan sokan . . . sokan dan radio. Nampak-nya saling gantong bergantong antara satu sama lain, bagaikan aur dengan tebing, apa-kah kuat tebing kerana aur atau kuat aur kerana tebing, tetapi begitu-lah ujud-nya sa-lama lebeh 20 tahun ini.

Sa-benar-nya radio mempunyai satu sikap yang tersendiri terhadap sokan. Ia memandang sokan bukan hanya sekadar satu aktiviti untok chuma mengeluarkan peloh, membuang lemak2 yang berlebehan atau chuma untok menguruskan badan yang 'lampoh' sahaja. Pada radio, sokan ada menyangkut kepentingan nasional yang tidak boleh di-pandang enteng atau di-pandang chuma dengan setampik mata.

Radio memandang serius tangga kedudokan negara dalam senarai Piala Malaysia kerana di-sana ada imej negara dan marwah bangsa begitu juga dalam tangga2 kedudokan Lion City, Belia Asia, Kejohanan Tiga Wilayah Borneo. Dengan kesedaran ini radio meletakkan ranchangan sokan ka-dalam kelompok ranchangan utama. Sa-lain dari berbentok ranchangan mingguan radio juga mempunyai siaran2 khusus dan siaran2 langsong dalam sa-tiap pertemuan sokan yang berchorak kebangsaan atau antarabangsa.

Di-samping itu radio juga mempunyai ranchangan sokan harian-nya yang mengumomkan jadual kegiatan sokan sa-tiap hari meliputi dari sokan kanak2 damit di-taman kanak2 hingga ka-pertemuan2 di-stadium, di-padang2 polo dan lapangan2 golf yang di-sertai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Raja2, Perdana2 Menteri dan Menteri2 Besar, dan lain2 orang kenamaan.

Dengan ada-nya kegiatan2 sokan di-siarkan melalui ranchangan sokan radio itu, sekurang2-nya radio telah menanamkan semangat kemajuan sokan sa-lama lebeh 20 tahun ini di-kalangan orang ramai. Radio Brunei menyedari bahawa usaha memajukan sokan itu bukan hanya terletak kapada sa-belas orang pemain bolasepak di-tengah padang itu sahaja, atau pada sa-orang jurulateh berkaliber antarabangsa sahaja, tetapi pada sokongan atau para peminat atau 'supporters' sa-sebuah negara itu, dan tujuan utama kita ia-lah untok mendapat sa-berapa banyak "supporters" yang mungkin di-sebalek pasokan kebangsaan kita. Dan untok itu, radio tetap tidak kendur2 memainkan peranan-nya setakat tenaga yang ada pada-nya. Tentu-lah mustahil bagi radio mengambil daya usaha saperti negara Iraq yang menghadiah sa-buah rumah dan sa-buah kereta kapada pemain2 bolasepak negara-nya sa-telah pasokan kebangsaan-nya menundokkan pasokan Sau Paulo Brazil dalam perlawanan akhir Piala Merdeka Jublee Perak Malaysia baru2 ini.

Kegiatan2 radio ia-lah melaporkan sa-tiap kegiatan sokan di-negeri ini, dan untok kegiatan dan kehandalan pasokan2 kebangsaan kita di-luar negeri, radio hanya berupaya menghantarkan mereka bersama do'a kejayaan hingga ka-lapangan terbang, dan limpas dari itu radio terpaksa mengutip keputusan2 dan komen2 luar negeri dan akhbar2 asing untok para peminat sokan dalam negeri. Ini pun chukop-lah rasa-nya untok berbakti ka-arah chogan kata Ranchangan Sokan Radio ia-itu Maju Sokan Untok Negara.



KELIHATAN Penerbit drama purba (ABDULLAH AG DAMIT) berharap kapada KULAM (JAUYAH HAJI JAYA) supaya dapat menghidupkan watak perempuan penakut dan jahat, manakala MAYANG (JAMILAH ABDULLAH) nampak-nya ketawa tapi sa-benar-nya menghidupkan watak menangis ketika hendak bersalin, dan kanan sekali ia-lah TANJUNG (SALMAH ABD RAHMAN) bersedia menerima tegoran sa-belum rakaman drama purba (SERULING SAKTI) di-jalankan. Ranchangan ini ka-udara tiap2 hari Ahad, jam 4.00 petang dan ulangan-nya hari Khamis jam 1.30 petang.

# KEBERANGKATAN D.Y.M.M. KA-MUKIM PERAMU





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemarduli ka-Mukim Peramu, Kampong Ayer. Ini ada-lah mukim yang kedua di-Daerah Brunei-Muara yang di-kunjongi oleh Baginda dalam bulan lalu.

Dalam kunjongan itu, Baginda Yang Dipertuan telah melafadzkan titah kapada pendudok mukim tersebut (gambar atas) dan mendengar masaalah2 yang di-kemukakan oleh pendudok2 di-mukim tersebut.

Sa-telah itu, Baginda Yang Dipertuan di-junjong berangkat melawat ka-bilek2 darjah Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar (kiri) dan ka-beberapa buah rumah dan perusahaan2 pendudok2 kampong. Gambar2 kanan bawah kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika berada di-kedai runchit yang di-punyai oleh Awang Haji Ahmad bin Sulaiman.

Gambar bawah kelihatan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah yang juga turut berangkat ka-Mukim itu ketika menyaksikan murid2 Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar menerima pelajaran mereka. Gambar paling bawah pula ia-lah Pengiran Mohammad bin Pengiran Sharifuddin, salah sa-orang pendudok yang mengemukakan masaalah di-perjumpaan itu.













**KEBERANGKATAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ka-Jabatan Talikom telah di-alu2kan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (gambar kiri).

Sa-baik saja keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rombongan yang termasok Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah dan Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Baginda Yang Dipertuan mendengar taklimat mengenai perkembangan Jabatan Talikom yang di-sembahkan oleh Pengarah jabatan itu, Dato Seri Laila Jasa D.H.A. Scholley (gambar atas).



**YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah menyaksikan perjalanan sa-buah mesin yang di-guna kan di-jabatan tersebut sambil mengikuti penerangan dari Timbalan Pengarah Talikom, Awang Abdullah bin Mudim Haji Bakar sementara gambar bawah Yang Teramat Mulia mendengar penerangan mengenai peralatan di-salah satu bahagian jabatan itu.





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
tanyakan sa-suatu kapada Dayang Hajjah Masnah binte Haji
jalankan di-bahagian operator.




# Pemasaran Shell pindah ka-bangunan baru

SERIA. — Sharikat Pemasaran Shell Brunei di-Bandar Seri Begawan telah berpindah ka-bangunan baru enam tingkat di-Jalan Sultan awal bulan lalu.

Sa-lain dari bahagian dari tingkat bawah, sharikat tersebut mendudoki tiga tingkat atas. Sa-buah bank terletak di-tingkat pertama, sementara sa-buah sharikat penerbangan mendudoki 'mezainne' dan bawah bangunan tersebut.

Bangunan itu ada-lah di-sewa oleh Sharikat Minyak Shell Brunei dari sa-buah firma kepunyaan tempatan.



GAMBAR menunjokkan kawasan menerima tetamu Sharikat Pemasaran Shell Brunei di-tingkat bawah di-hiasi dengan pertukangan tembaga dan kayu mengenai tempat2 yang menarek di-Brunei. Ia-nya di-buat dan di-ukir oleh pelukis tempatan.

# Pekerja2 Shell tunaikan fardhu haji

SERIA. — Beberapa orang pekerja Sharikat Minyak Shell Brunei, ada-lah di-antara 1,5000 orang para jema'ah haji Brunei yang menunaikan Fardhu Haji tahun ini.

Mereka ia-lah: Pengiran Besar dan isteri (SES336), Pengiran Zaini bin Pengiran Haji Abas beserta anak dan isteri (SMR32), Pengiran Aji bin Pengiran Kula (SES/23).

Awg. Dullah bin Duraman dan isteri (OPD/21), Ahmad Haji Yahya (OPD/13), Bakar Yusof (OSA) dan Hussin bin Ahmad dan isteri (LEN/13). Para jema'ah haji itu di-jangka akan kembali ka-tanah ayer dalam empat penerbangan yang berasingan.



GAMBAR menunjokkan Awang Haji Ja'afar bin Tinggal dari Kampong Mulaut, pemenang hadiah istimewa dalam bahagian kerbau, di-pertunjokan Pertanian di-Steshen Pertanian Kilanas, sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-35 tahun ini.

# *Pemenang2 hadiah dari Shell*

SERIA. — Lima orang telah memenangi berbagai hadiah yang telah di-dermakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei dalam dua pertunjokan pertanian di-adakan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM ke-35 bagi Daerah2 Brunei-Muara dan Belait.

Awang Sapar Dollah, dari Kampong Masin di-Daerah Brunei-Muara telah menerima hadiah istimewa kerjatangan perak dan penyembor dalam bahagian padi tahun (buah panjang). Bahagian kerbau pula pemenang-nya Awg. Haji Ja'afar bin Haji Tinggal, dari Kampong Mulaut, telah menerima hadiah sa-buah jentera pemotong rumput dan pertukangan kayu.

Bagi Daerah Belait, Dyg. Noralam Abdullah, dari Kampong Sungai Liang, telah memenangi hadiah berupa perisai dan penyembor dalam bahagian padi paya. Sementara pemenang kedua dalam bahagian padi tugal ia-lah Awg. Morni Biju, dari Kampong Sukang, telah di-hadiahkan dengan penyembor. Dalam bahagian kerbau pula pemenang-nya ia-lah Dyg. Misah Lian, dari Kampong Lumut yang telah di-hadiahkan dengan jentera pemotong rumput dan pertukangan kayu.

# Persatuan2 China Daerah Belait menderma untok Tabong Orang2 Chachat

KUALA BELAIT. — Tabong Derma Orang2 Chachat Negeri Brunei, telah menerima sumbangan yang berjumlah lebeh $3,000.00 dari sembilan buah persatuan China di-Daerah Belait.

Sumbangan2 itu telah di-sampaikan oleh wakil2 penderma kapada Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss ibni Al-Marhum Pg. Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed di-pejabat-nya pada 23hb. September yang lalu.

Dewan Perdagangan China, Badan Amal China, Persatuan Foo Chow dan Persatuan Keng Kaw di-daerah itu telah menderma sa-banyak $500.00 tiap2 satu, sementara Persatuan Masharakat Kwang Wai Siew dan Persatuan Masharakat Tai Poo telah memberikan sumbangan sa-banyak $300.00 tiap2 satu.

Juga memberikan derma pada hari tersebut ia-lah Persatuan Masharakat Hakka Brunei, Persatuan The New Village Mutual Aid dan Persatuan Bola Keranjang Daerah Belait, yang masing2 menderma sa-banyak $200.00.

Derma2 tersebut juga di-sumbangkan bersempena dengan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-Brunei.



PEGAWAI Daerah Belait, Pengiran Idriss menerima sumbangan derma bagi Tabong Orang2 Chachat dari wakil2 Persatuan China Daerah Belait.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 13hb. hingga 20hb. Oktober

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 13.10.1981 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 13.10.1981 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Serasa | 14.10.1981 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 14.10.1981 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 14.10.1981 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Awang Haji Mohd. Yussof, Kati Mahar | 17.10.1981 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 17.10.1981 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Mulaut | 17.10.1981 | Sabtu | 1.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 17.10.1981 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 17.10.1981 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 17.10.1981 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 19.10.1981 | Isnin | 1.45– 2.45 „ |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching | 19.10.1981 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 20.10.1981 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 20.10.1981 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar, Kiulap | 20.10.1981 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Jalan Gadong | 20.10.1981 | Selasa | 3.30– 4.00 „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong | 20.10.1981 | Selasa | 4.30– 5.30 „ |

# *Kemenangan Filem Dokumenteri RTB*

Dari muka 6

Jawab: Ada beberapa faktor yang harus kami perhatikan antara-nya yang penting sekali ia-lah kualiti dan bidang teknik yang sesuai. Di-samping itu juga filem ini memenohi sharat2 pertandingan. Reality filem ini benar2 menggambarkan chorak hidup masharakat bebas dan bersatu padu. Ia-nya lebeh banyak mengandongi unsor2 pengetahuan yang dapat di-terima oleh manusia sejagat.

Soal: *Sa-bagaimana di-ketahui kejayaan filem ini di-beri hadiah wang sa-banyak US $1,000. — Apa-kah yang perlu di-buat tentang hadiah wang ini.*

Jawab: Oleh kerana filem ini di-buat oleh RTB, maka hadiah wang itu ada-lah hak milek Kerajaan.

Begitu-lah sa-chebis kesah mengenai puak Punan yang di-cheritakan oleh Awg. Abd. Rahim Walli, Penerbit filem Dokumenteri Punan yang menjadi intisari bagi ranchangan talivishen sa-hingga filem ini telah di-pileh sa-bagai filem dokumenteri terbaik di-Perhimponan Agong Kesatuan Penyiaran Asia (ABU) kali ke-18 yang berlangsong di-Manila.

Dalam pertandingan itu sa-banyak 17 buah Pertubohan dalam ABU turut mengambil bahagian. Negeri2 itu termasok-lah Kanada, New Zealand, Brunei, Singapura, Pakistan, Bangladesh, Jepun, Hong Kong, Korea, Filipina dan Indonesia.

Para Juri yang turut menghakimkan filem ini terdiri dari Bangladesh, Filipina, Turkey, China, Malaysia dan Iran.

Brunei di-wakili oleh Ketua Penyunting Berita RTB Awg. Aliddin bin Haji Othman buat pertama kali-nya di-lantek sa-bagai salah sa-orang Juri dalam Pesta filem itu.

Awang Aliddin tidak membuat sebarang keputusan apabila filem Dokumenteri ini di-hakimkan kerana keputusan yang di-buat oleh para Juri sudah menchapai markah yang tinggi mengalahkan penyertaan dari Pertubohan2 lain.

Oleh kerana kejayaan dua tahun berturut2 keselurohannya membayangkan imej Brunei di-dunia antarabangsa, maka kita harus-lah menguchapkan tahniah dan shabas kapada pegawai2 dan kakitangan RTB yang turut menjayakan filem tersebut.

# CHUNG HWA K.B. PEMENANG KESELUROHAN "UJI-LAH BAHASA KITA"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Akhir 'Uji-lah Bahasa Kita' atau lebeh di-kenali dengan 'Battle of Words' telah berlangsong di-Dewan Raya Radio Talivishen di-sini pada hari Ahad, 27hb. September 1981.

Pertandingan ini ada-lah di-khaskan untok sekolah2 Menengah China yang terbuka untok penuntut2 tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

Tiga buah Sekolah2 Menengah China telah mengambil bahagian dalam pertandingan akhir itu. Sekolah2 itu ia-lah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, Sekolah Menengah Chung Ching, Seria dan Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait.

Pertandingan itu telah di-bahagikan kapada tiga bahagian, ia-itu bahagian Bahasa Melayu, China dan Bahasa Inggeris. Dalam bahagian Bahasa China, tempat pertama telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait dengan markah 52 dan naib-johan ia-lah Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Bahagian bahasa Inggeris, Sekolah Menengah Chung Ching, dari Seria bertemu dengan Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait dengan berkeputusan Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait memenangi bahagian ini dengan mendapat 51 markah.

Sementara bahagian bahasa Melayu, Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait berjaya mendapat tempat pertama dengan mendapat 53 markah, sa-telah mengalahkan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Oleh yang demikian keselurohan bahagian dipertandingan tersebut telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait.

Pertandingan itu ada-lah satu ranchangan pendidekan terbitan Bahagian China Radio Brunei.

Hadiah2 kapada para peserta telah di-sampaikan oleh Awang Alimin bin Haji Abd. Wahab, Timbalan Pengawal Radio Talivishen Brunei.



AWANG Lo Chee Wei, pemenang dalam bahagian bahasa Melayu menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Timbalan Pengawal RTB, Awang Alimin bin Haji Abdul Wahab.

## Chawangan Udara AMDB ra'ikan kanak2 chachat





GAMBAR2 ini menunjokkan kanak2 chachat itu ketika di-bawa melawat ka-beberapa bahagian chawangan itu.

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Sa-ramai 40 orang kanak2 chachat telah di-ra'ikan dalam satu perjumpaan yang di-adakan pada hari Isnin lalu, bertempat di-Chawangan Udara, Perkhemahan Berakas.

Kebanyakan dari kanak2 tersebut ia-lah mereka yang mengalami kechachatan otak, dan yang lain-nya menghadapi kechachatan di-segi pendengaran dan beberapa kechachatan yang lain, dari tiga buah pusat pendidekan kanak2 chachat, ia-itu Rumah Sakit Umum di-Ibu Negeri, Kelinik Kanak-Kanak Chachat di-Kampong Ayer dan Sengkurong.

Perjumpaan yang di-adakan pada hari itu telah di-anjorkan oleh Chawangan Udara, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, dalam tujuan bagi mera'ikan Ulang Tahun ka-15 Penubohan Chawangan Udara pasokan tersebut, dan juga di-adakan bersempena dengan Tahun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat di-Brunei.

Ketibaan kanak2 tersebut berserta dengan pengawas2 mereka, telah di-alu2kan oleh pegawai2 dan anggota2 Chawangan Udara, yang telah memperlihatkan kapada mereka pertunjokan statik mengenai peralatan yang terdapat di-chawangan itu, dan juga peralatan khas bagi kegunaan pemandu helikopter dan anak2 buah-nya. Sa-lain dari itu, mereka juga di-beri peluang terbang dengan menaiki pesawat helikopter.

Antara achara bagi di-saksikan oleh kanak2 tersebut ia-lah pertunjokan Terjun Payong Chara bebas, winching, fastroping dan abseiling, yang telah di-adakan di-Padang Polo perkhemahan tersebut oleh anggota2 Chawangan Udara.

### BERI HADIAH

Sa-lain dari menyaksikan kegiatan2 sa-umpama itu, kanak2 itu telah di-sajikan dengan jamuan ringan dan makan tengah-hari. Juga di-adakan pada hari itu ia-lah penyampaian hadiah2 kapada kanak2 chachat yang hadhir, yang telah di-sampaikan oleh Puan Cheshire.

Lawatan dan perjumpaan kanak2 chachat ka-Chawangan Udara ada-lah merupakan kali pertama ia-nya di-adakan, dan sabelum itu lawatan yang sa-rupa telah di-lakukan di-Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah.

Kegiatan kanak2 chachat pada hari tersebut, sa-lain dari bertujuan bagi memberikan pengetahuan mengenai kegiatan2 chawangan yang berkenaan, juga memberikan kesempatan untok mereka berhibur dengan pertunjokan2 yang di-persembahkan oleh anggota2-nya.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan be berapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sed erhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah ini bermula dari tarikh 1hb Oktober, 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. PUSU KERING — $5.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hen Loong
   No. 31, Jalan Sultan.
2. SAYOR PUCHOK CHAP KAPAL (HK) $4.50 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chai Huat Trading
   No. B2, Jalan Roberts.
3. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Aik Thye,
   No. 25, Jalan Sultan.
4. BAWANG BESAR — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Sharikat H. Abd. Rahman ,
   No. 94, Jalan Chevalier.
   b) A. M. Mohammad Ali Maricar,
   No. 87, Jalan Chevalier.
   c Chee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
   d) Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan.
   e) Sin Guan Lee,
   No. 74, Jalan Roberts.
   f) Chai Huat Trading,
   No. B2, Jalan Roberts.

**KUALA BELAIT :**

1. PUSU KERING — $5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Chop Kim Ming,
   Bangunan Foo Chow,
   Jalan Bunga Rambai.
2. SAYOR PUCHOK CHAP KAPAL (HK) $5.70 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Teo Hiang Hng
   No. 45, Jalan Pretty.
3. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yick Yuen
   No. 3, Jalan Pretty.
4. BAWANG BESAR — $1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Sharikat M. Haji,
   No. D2 Chinese Chamber of Commerce,
   Jalan Bunga Raya.
   b) Eng Soon Seng,
   No. 58, Jalan Pretty.

**SERIA :**

1. PUSU KERING — $5.40 sa-kati boleh di-di-beli dari kedai2 berikut:—
   Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. SAYOR PUCHOK CHAP KAPAL (HK) $5.80 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Chop Yick Hoe,
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
3. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Yick Fatt,
   No. Lot 2660 Jalan Sultan Omar Ali.
4. BAWANG BESAR — $1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga,
   b) Wong Wah Seng Trading,
   No. 73, Jalan Bunga Kenanga.

## Pegawai2 AMDB ikuti kursus di-seberang laut



Kpl. Mohammad @ Ladis bin Samat



Kpl Kamil bin Kula

BERAKAS. — Lebeh ramai lagi anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas meninggalkan negeri ini, untok mengikuti berbagai kursus di seberang laut.

Akan bertolak meninggalkan Brunei esok ia-lah sa-orang anggota dari Kompeni RHQ, 3096 WO1 Yunus bin Lampai, yang akan mengikuti kursus M1073 Method of Instructions dan 171 MT SNCOS selama sa-bulan, bertempat di-Advanced Training Wing Army School of Mechanical Transport, Leconfield di-England.

### KURSUS LANJUTAN

Sementara itu, 5004 Kpl Mohammad @ Ladis bin Samat dan 5155 Kpl Kamil bin Kula dari Bengkel Pasokan, akan berlepas ka-United Kingdom pada 11hb. Oktober depan bagi menjalani kursus lanjutan Juruteknik Radio AO/1 di-Signal Regiment ka-8, Gatterick Garrison, North Yorkshire. Kursus akan bermula pada 13hb. Oktober ini dan akan berakhir pada 2hb. Jun, 1982.

Pasokan tersebut juga akan menempatkan 4182 S/Sgt Hamidon bin Nudin dan 4472 Sgt Mohamad bin Haji Tahir dari Kompeni RHQ di-Ibu Pejabat Pasokan Gurkha di-Hongkong untok mengikuti kursus penempatan selama lebeh kurang dua minggu di-sana. Mereka akan berlepas ka-Hongkong pada 13hb. Oktober ini.

Juga akan bertolak ka-Republik Singapura pada 17hb. Oktober ini ia-lah 4824 L/Kpl Hamir bin Rahmat dari Skuadron Jurutera Pengempor, yang akan mengikuti kursus Infantry Pioneer Commanders selama dua bulan di-Sekolah Jurutera Pengempor di-republik itu.

# SEKITAR KEBERANGKATAN KEBAWAH D.Y.M.M. KA-JABATAN TALIKOM





SA-TELAH menerima taklimat, Baginda Yang Dipertuan dan rombongan dengan di-iringi oleh Pengarah Talikom (gambar bawah) di-junjong berangkat ka-beberapa bahagian jabatan tersebut. Gambar atas kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika berada di-salah satu bahagian jabatan itu dan sambil mendengar penerangan dari Pengarah Talikom.

Gambar di-sebelah kanan pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan menerima penerangan dari Awg Ghafar bin Haji Lamat mengenai dengan penggunaan salah sa-buah alat perhubongan.



Dipertuan Negeri Brunei ber-
...nai dengan kerja2 yang di-





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat menyaksikan perjalanan kerja2 di-bahagian talian sambil menerima penerangan dari sa-orang pegawai di-bahagian itu.

Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang mengalu2kan dan mengiringi keberangkatan Baginda Yang Dipertuan, sedang memerhatikan chara penggunaan mesin di-salah satu bahagian jabatan itu (gambar bawah).



# ...tisari RTB ...nggu ini

## ...PI2 MASAKAN

### ...NDING DAGING'

...g lembu/kerbau
... di-parut
...aram sa-chukop rasa
... asam jawa
...serbok perasa (jika suka)
...nyak makan untok penumis

...-giling halus :

...da kering
...ng merah
...ng puteh
...an ketumbar
...jintah manis
...jintan puteh
...an kunyit serbok
...rai di-mayang sa-belum di-giling

...buat-nya :

...potong kechil2 dan di-chuchi serta di-

...nyak dan tumiskan rempah2 yang te-...s sa-hingga wangi bau-nya.
...aging dan kachau rata2 dan biarkan ...ayer daging baru-lah di-masokkan ayer ...a dan serbok perasa dan masak-lah ...empok. Jika daging belum empok ...t ayer.
...ging empok dan kering masokkan ke-...chau-lah sa-hingga kering dan ber-

### ...RIANI UDANG'

...g besar di-goreng
... siam atau beras beryani
...entang di-belah dua dan di-goreng
...to buah di-hiris
... ayam di-rebus
... tomato puri
...ng besar di-goreng
...limau nipis
...hair
...da merah dan hijau di-hiris
... pudina
... ghee atau minyak sapi
...a, chengkeh dan kayu manis.

...g :

...an ketumbar
... lada puteh
... buah badam
...lia
...ng puteh
...ng merah

...-nya : —

...lor dengan pelaga, kayu manis dan ...gkeh. Sa-tengah masak, di-angkat dan

...nyak, goreng bawang, sa-sudah kuning ... minyak tadi, masokkan rempah dan ... masokkan tomato puri dan tomato ...kan udang, susu, garam dan ayer limau ...ering, di-angkat udang. Sudah kering ...an beras yang sudah di-chelor tadi ...2. Atas-nya taborkan bawang goreng, ...un ketumbar, lada hiris, telor rebus ...utop hingga masak.




BUAT pertama kali-nya RTB akan menyiarkan satu ranchangan baru bertajok Kuiz Keselamatan Jalan Raya, yang di-anjorkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Brunei.

Ranchangan ini akan dapat di-saksikan pada 11hb Oktober ini di-mana pasokan Maktab S.O.A.S. bertemu dengan pasokan dari Sekolah Misi St Andrew dan pada 18hb Oktober, Pasokan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait bertemu dengan Maktab Anthony Abell, Seria dalam pertandingan perengkat sa-paroh akhir. Waktu tayangan-nya ia-lah pada pukol 9.15 malam.

Manakala pertandingan perengkat akhir pula akan dapat di-saksikan pada 25hb Oktober di-mana pasokan yang menang dalam pertandingan perengkat sa-paroh akhir akan berjumpa bagi merebut piala kejohanan tahun 1981. Tayangan-nya juga akan bermula pada pukol 9.15 malam. Jangan lupa pada waktu yang sama untok menyaksikan pertandingan tersebut.



**SIRI jenayah "HAWAII FIVE O" kembali menemui awda dengan membawa tajok cherita "Up the Rebel" di-tayangkan pada malam ini kira2 jam 9.30 malam.**

# RANCHANGAN TVP DARI 12HB. HINGGA 18HB. OKT.

## ISNIN — 12HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 453
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, HALAMAN MENGAJAR, BERSENAM, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

## SELASA — 13HB OKTOBER

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 24
Minggu ini murid-murid akan di-bawa mengikuti lawatan Gani dan Jay Jay ka-Muzium yang ada di-Kota Batu. Sa-buah lagu akan di-nyanyikan oleh Gani, Jay Jay dan Owl berkenaan dengan Muzium.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 6
(Mesin Mudah 2)
Ranchangan ini ada-lah lanjutan dari ranchangan 'Mesin Mudah 1'. Ranchangan ini menerangkan lebeh lanjut lagi mengenai salah satu jenis mesin mudah ia-itu tuas.
Apa-kah dia tuas ?
Bagaimana tuas di-gunakan ?
Ada-kah tuas maseh di-gunakan hingga ka-hari ini ?
Ikuti-lah ranchangan ini untok mengetahui jawapan-nya.




Gambarajah

10.30 KAP KAP UDANG 454.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, AMINAH, SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 454.

## RABU — 14HB OKTOBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 24

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6
(Mesin Mudah 2).

10.30 KAP KAP UDANG 455.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMIN, MAIN BAKUL, KATA SI-MANIS, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 455.

## KHAMIS — 15HB OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 456.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENAM, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah SI-KURAI DAN SI-BENTIK.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 456.

## JUMAAT — 16HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 Ruangan Siri Permulaan Che'gu Rokiah akan bercherita dari hal gigi.

## SABTU — 17HB OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 457.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, MAIN BANG, HALAMAN BELAJAR, MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 457.

## AHAD — 18HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, KAJIAN SAMULA JADI, GAMBAR DARI RUMAH, MENYANYI DENGAN GAYA, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN :

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI :

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan 1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 ,, Do'a Restu
10.29 ,, Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA :

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F.M. STEREO

**92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.**

## GELOMBANG SEDERHANA

**675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.**

### Hari Rabu 7hb. Okt.

PAGI :
8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar

T/HARI :
1.30 Persembahan-ku

PETANG :
2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Hari Ini (SU)
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang R. Azmi
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Senandong Asli

MALAM :
7.00 Rangkaian Lama dan Baru.
8.30 Ruangan Kitani
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 8hb. Okt.

PAGI :
8.30 Ruangan Kitani
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Chitra-wara (SU)

PETANG :
2.00 Ira Renchana
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Soal Jawap Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Irama di-senja.

MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Sukaramai
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 9hb. Okt.

PAGI :
8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Belia Mewakili Zaman-nya
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI :
12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
1.15 Qasidah/Nasbid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :
2.00 Majallah Radio (SU)
2.30 Persembahan Gambus
3.15 Paduan Suara
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Ira Kenchana
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM :
7.00 Lagu2 Rampaian
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Soal Jawap Ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 10hb. Okt.

PAGI :
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Kanak2

T/HARI :
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya

PETANG :
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Aneka Lagu
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandong Ria

MALAM :
7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara (SU)

### Hari Ahad 11hb. Okt.

PAGI :
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Senandong Seloka
11.00 Ruangan Ketani
11.30 Suara Kugiran

T/HARI :
12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gambus
1.00 Permintaan Dua Steshen

PETANG :
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan
5.00 Persembahan Gazal
5.45 Irama di-senja.

MALAM :
7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

### Hari Isnin 12hb. Okt.

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Senandong Seloka (SU)

PETANG :
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa (SU)
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.

MALAM :
7.00 Aneka Lagu
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 13hb. Okt.

PAGI :
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Gema Silam
11.00 Autograph Pendengar (SU)
11.30 Dunia Wanita (SU)

T/HARI :
1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Lagu2 Jenaka
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Belia Mewakili Zaman-nya (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.

MALAM :
7.00 Persembahan ku
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Talk: Johann Starauss the Elder in Britain
Strauss: Rodetzky March
Delius: Dance Rhapsody No. 1
8.45 Bach: Violin Concerto No. 2 in E major
9.30 A Selection of short pieces including Bizet: Children's Games Chabrier: Espana

#### Thursday

P.M.
8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood: Frenz Lambert
9.30 Story Time: Napoleon and Josephine "The Dynastic"

#### Saturday

P.M.
8.15 Hits In Germany
8.45 Frank Muir Goes Into: "History"
9.30 Top Of The Pops.

#### Monday

P.M.
8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre "Only A Matter of Time"

#### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
8.15 Just For You
8.30 Radio Newsreel
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.30 Radio Newsreel
9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
12.45 My Music
1.15 BBC Sports Magazine
8.15 My Music (repeat)
8.45 International Money Programme
9.00 ~~Strictly Instrumental~~
9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
11.00 Disability Sound For The Blind
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into: "History"
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 34th Edinburgh International Festival Literary Event Prog. 3
8.30 Silas Marner by George Eliot Pt 3 "A question of Identity"
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI KETUA TEKNIK DI-JABATAN TALIKOM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang sesuai untok memenohi jawatan KETUA TEKNIK di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 Utama :**

Mempunyai sekurang2-nya 12 tahun pengalaman dengan sa-sebuah pertubohan perkhidmatan Talikom atau pembuat alat2 talikom, yang mana sekurang2-nya 5 tahun daripada tempoh tersebut ada-lah dalam sa-suatu jawatan di-perengkat penyelia membuat kerja2 yang bersangkut paut dengan jawatan yang di-pohonkan.

Mempunyai Sijil Juruteknik Talikom atau pun lain2 kelulusan yang sebanding dengan-nya ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Lain2 Kelayakan :**

Pengetahuan bahasa Melayu ada-lah di-kehendaki tetapi tidak semesti-nya.

**Had Umor :**

Sekurang2-nya 35 tahun. Had umor maksima bergantong kapada kesihatan.

**Jawatan2 dan Tugas2:**

1) **Pemeliharaan Kabel Bawah Tanah :** Bertanggong-jawab bagi pemeliharaan rangkaian kabel2 bawah tanah sama ada di-kawasan Timor atau Darat Brunei. Bertanggong-jawab bagi kerja2 menguji dan menchari kerosakan serta menyimpan rekod2 kabel. Rankaian kabel ini sedang di-tukar daripada jenis "lead/paper" kapada jenis "Plastic sheathed fully filled cable."
2) **Peranchangan Kabel :** Bertanggong-jawab bagi kerja2 peranchangan sa-chara berbutir terhadap sekim pembahagian talipon para pengguna menurut arahan sa-orang jurutera kerja.
3) **Pemasangan Talipon :** Mengawal sa-chara keselurohan kerja2 membekalkan talipon termasok-lah talipon2 jenis "secretarial sets" dan "extension" di-salah satu daripada dua kawasan di-dalam negeri. Meranchangkan jadual kerja harian bagi jurugegas (fitters) dan mengatorkan anggaran kerja2 pemasangan talipon serta memereksa kerja yang di-buat itu.
4) **Pemeliharaan Alat2 Talipon Para Pengguna :** Mengawal sa-chara keselurohan para pekerja (faultsmen) di-sesuatu kawasan, mengawal kerja2 membaiki talian talipon para pengguna dan menyelia pusat aduan kerosakan talipon.
5) **Penguasa Bengkel :** Mengawal sa-chara keselurohan sa-sebuah bengkel pusat bertanggong-jawab bagi kerja2 pemeliharaan dan membaiki kenderaan2, alat2 teleprinter dan alat2 talipon para pengguna.

**Tangga Gaji :**

C.3 EB.4—$1735-1795-1855-1915-1980 / E B / 2035 - 2095-2155-2215-2280.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Nobember, 1981.

(E/396/79—Bil : 161/1981)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### TENDER No. 56/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A", "B" and "C" up to 12.00 noon on Tuesday, 27th October, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR SWITCHGEAR HOUSE OF 66KV SUB-STATION AT PASIR PUTEH

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR SWITCHGEAR HOUSE 66KV SUB-STATION AT PASIR PUTEH."

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 59/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Class 'A', 'B' and 'C' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 13th October, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR ADDITIONAL 6 UNITS BARRACK AT LOT 1666, BANGAR, TEMBURONG

The tender documents must be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be marked:—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR ADDITIONAL 6 UNITS BARRACK AT LOT 1666, BANGAR, TEMBURONG."

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 61/1981

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Class "A" and "B" Cable Laying Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 27th October, 1981 for the following : —

ERECTION OF 37 FEET TUBULAR STEEL POLES AND STAY RODS FROM TANJONG MAYA JUNCTION TO SATELLITE STATION TELISAI.

Tenders received after the stated time will be rejected.

There will be discussion of the above Tender Specification on 24th October, 1981 at 3.00 p.m. in the Electrical Department Conference Room. Any contractor interested should attend this discussion and Electrical Department reserves the right to refuse a tender from contractor who does not attend such meeting.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked : —

"ERECTION OF 37 FEET TUBULAR STEEL POLES AND STAY RODS FROM TANJONG MAYA JUNCTION TO SATELLITE STATION TELISAI."

The form of tender including specification and drawings can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any ender.

The tender deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderers on receipt of a bona fide tender.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. SSU/206/81
   CATEGORY 14
   Leasing of Light Vehicles — 1982 (Group I)
2. TENDER No. SSU/207/81
   CATEGORY 14
   Leasing of Light Vehicles — 1982 (Group II)
3. TENDER No. SSU/208/81
   CATEGORY 14
   Leasing of Light Vehicles — 1982 (Group III)
4. TENDER No. EPS/225/81
   CATEGORY 7
   Sub-Contract 'G1-G7 Housing Project Seria' Electrical Installations.
5. TENDER No. EPS/211/81
   CATEGORIES 4 & 32
   Extension and Modification of EPS Shelter and Yard at Lorong — 10 Barat.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. KB.22/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Oktober, 1981 bagi : —

SUPPLY OF GAS COOKERS FOR BELAIT DISTRICT

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.22/1981

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th October, 1981 for : —

SUPPLY OF GAS COOKERS FOR BELAIT DISTRICT

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.23/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Oktober, 1981 bagi:—

SUPPLY OF UNTREATED TIMBER TO PUBLIC WORKS DEPARTMENT, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.23/1981

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th October, 1981 for : —

SUPPLY OF UNTREATED TIMBER TO PUBLIC WORKS DEPARTMENT, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## Sa-bagai Tukang Pelan Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai TUKANG PELAN KANAN di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan Higher National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau intermediate R.I.B.A. atau lain2 kelulusan yang sebanding dengan-nya.
b) Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam kerja2 melukis pelan di-pejabat Chartered Akitek atau Jurutera.
c) Mesti-lah boleh menyediakan pelan2 dan ukoran2 yang lengkap dari lukisan2 kasar (dimensional sketches).

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Oktober, 1981.

(E/42/74 — Bil: 152/1981)

## Sa-bagai Tukang Kayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG KAYU di-Jabatan Kehutanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu akan juga di-pertimbangkan.

**'Am :**

Pemohon2 mesti-lah boleh : —

a) Menyediakan pelan2 yang senang dan rengkas serta membuat kerja2 itu.
b) Menyediakan taksiran kayu dan barang2 yang di-perlukan untok (a) di-atas.

Pemohon2 yang berjaya akan bertugas di-Balai Pemereksaan Barang2 Hutan di-Sungai Liang. Rumah dan kenderaan tidak di-sediakan.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Oktober, 1981.

(E/670/81—Bil : 162/1981)

## TENDER NOTICE

### KUALA BELAIT AND SERIA SEWERAGE AND SEWAGE DISPOSAL
### CONTRACT No. 1
### ADDITIONAL PUMPING MACHINERY

TENDERS are invited from suitably experienced firms for the supply and erection of additional pumping machinery in existing sewage pumping stations in Kuala Belait and Seria and for the overhaul of existing sewage pumping plant.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers, Watson Hawksley Asia, at either of the following addresses : —

Room 40,
Hongkong Bank Chambers,
Bandar Seri Begawan.
Brunei.

OR

18th Floor,
Tunas Building,
Anson Road,
Singapore 0207.

Documents will only be issued to firms who have suitable experience in the supply, erection and overhaul of sewage pumping machinery and ancillary equipment or to the authorised agents of such firms.

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000.00 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to every unsuccessful tenderer who submits a bona-fide tender, not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 7th December, 1981.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan sa-hingga 1.00 petang hari Selasa, 20hb Oktober, 1981 bagi kebenaran membuka Kedai2 Pajak Gadai untok sa-lama satu tahun mulai dari 1hb Januari, 1982 saperti berikut:—

Bandar Seri Begawan — Dua buah
Kuala Belait — Sa-buah
Pekan Tutong — Sa-buah
Seria — Sa-buah
Bangar — Sa-buah

2. Tawaran2 yang di-terima sa-lepas masa yang di-tetapkan di-atas akan di-tolak.
3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan dalam sarong surat yang bertutop. Sa-barang kenyataan mengenai nama penawar tidak boleh di-tulis di-luar sarong2 surat itu.
4. Sarong2 surat hendak-lah di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, dan mesti-lah di-tulis dengan terang di-kepala sarong2 surat itu dengan perkataan "TAWARAN BAGI KEDAI PAJAK GADAI."
5. Sa-barang tawaran yang di-terima dengan alamat2 yang tidak sempurna akan di-tolak.
6. Tiap2 tawaran mesti-lah menyatakan dengan terang sewa bulanan yang penawar itu sanggup membayar dan menjelaskan satu persatu, dengan sa-penoh-nya nama dan tempat tinggal dan pekerjaan orang yang membuat tawaran; dalam perkara Sharikat pula, mesti-lah menyebutkan nama dan alamat tiap2 kongsi (partner) dan juga nama serta chop Sharikat itu. Butir2 mengenai tempat2 yang akan di-gunakan bagi menjalankan perniagaan itu hendak-lah juga di-sebutkan.
7. Penawar2 yang berjaya akan di-kehendaki mengadakan jaminan (security) yang memuaskan Sultan dalam Majlis Mashuarat. Sewa hendak-lah di-bayar sa-chara bulanan dan bayaran pendahuluan sa-lama sa-bulan hendak-lah di-bayar terlebeh dahulu pada tiap2 awal bulan.
8. Lisen2 akan di-keluarkan dan terta'alok kapada sharat2 di-dalam Undang2 Pajak Gadai 1919, dan segala peratoran2 yang di-buat bawah-nya. Buku2 dan tiket2 pajakan yang di-buat di-atas borang2 yang di-khaskan hendak-lah di-tulis dengan tulisan rumi.
9. Tawaran yang kurang dari $75.00 sa-bulan bagi kedua2 buah kedai di-Bandar Seri Begawan tidak akan di-pertimbangkan.
10. Kerajaan tidak akan terikat untok menerima tawaran yang sa-habis tinggi atau sa-barang tawaran.

